



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA MAC 2025

**Indeks Harga Pengeluar Malaysia turun 1.9 peratus pada Mac 2025,
penurunan pertama tahun ini sejak November 2024**

PUTRAJAYA, 28 April 2025 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur perubahan harga di peringkat pengeluar, turun 1.9 peratus pada Mac 2025, berbanding peningkatan 0.3 peratus pada Februari 2025. Ini dilaporkan dalam laporan bulanan terbaharu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MAC 2025** diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menekankan, "Penurunan ini dipengaruhi terutamanya oleh sektor Perlombongan, yang meneruskan trend penurunan pada 2025 dengan penurunan dua digit 15.0 peratus (Februari 2025: -9.7%). Penurunan ini disebabkan oleh indeks Pengekstrakan gas asli (-16.2%) dan Pengekstrakan petroleum mentah (-14.5%). Sektor Pembuatan juga mencatatkan penurunan 1.8 peratus (Februari 2025: -0.3%), dengan penurunan ketara dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-16.2%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal (-5.1%). Sektor Bekalan elektrik & gas juga merekodkan penurunan 0.5 peratus (Februari 2025: -0.3%). Walau bagaimanapun, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mengekalkan trend positif, meningkat 9.9 peratus (Februari 2025: 15.2%), disokong oleh subsektor Penanaman tanaman kekal (16.9%). Sektor Bekalan air pula mencatatkan peningkatan sederhana 0.7 peratus pada Mac 2025."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan lagi, "Pada asas bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan menurun 0.6 peratus pada Mac 2025, berbanding peningkatan

0.1 peratus pada bulan sebelumnya. Sektor Perlombongan turun 3.8 peratus, dipengaruhi oleh penurunan dalam Pengekstrakan gas asli (-5.7%) dan Pengekstrakan petroleum mentah (-3.0%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan juga turun 0.5 peratus, disebabkan oleh indeks Perikanan (-2.1%) dan Penanaman tanaman kekal (-0.4%). Sementara itu, sektor Pembuatan merosot 0.3 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-0.5%). Sektor Bekalan air mencatatkan penurunan marginal 0.1 peratus, manakala sektor Bekalan elektrik dan gas meningkat 0.3 peratus.”

Mengulas lebih lanjut mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Ketua Perangkawan menjelaskan, “Semua peringkat pemprosesan mencatatkan penurunan pada Mac 2025. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 4.5 peratus, dipengaruhi oleh Bahan bukan makanan (-5.5%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun 1.5 peratus, disebabkan oleh Bahan api yang diproses & pelincir (-11.8%). Sementara itu, indeks Barang siap mencatatkan penurunan sederhana 0.6 peratus disebabkan Barangan pengguna siap (-0.7%).”

Pada asas bulan ke bulan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 1.5 peratus. Sementara itu, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen dan Barang siap masing-masing mencatatkan penurunan sederhana sebanyak 0.2 dan 0.4 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia juga menambah bahawa, “IHPR Pengeluaran Tempatan terus turun 0.3 peratus bagi suku pertama tahun 2025, berbanding penurunan 0.8 peratus pada suku keempat tahun 2024. Trend menurun ini didorong oleh sektor Perlombongan (-8.8%), Pembuatan (-0.9%) dan Bekalan elektrik & gas (-0.2%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan ketara 13.8 peratus, manakala Bekalan air meningkat 3.6 peratus. Sementara itu, perbandingan suku tahun ke suku tahun, IHPR pulih dengan peningkatan 1.0 peratus, selepas penurunan 0.8 peratus pada suku sebelumnya.”

Perbandingan dengan negara terpilih menunjukkan trend berbeza bagi IHPR Mac 2025. IHPR Amerika Syarikat (A.S.) meningkat 2.7 peratus, perlahan berbanding peningkatan 3.2 peratus pada bulan sebelumnya. Jepun juga mencatatkan peningkatan dalam IHPR, iaitu 4.2 peratus berbanding 4.1 peratus pada Februari 2025, dipacu oleh sektor Peralatan pengangkutan dan Minuman & makanan. Sebaliknya, harga pengeluar China terus menurun 2.5 peratus, selepas penurunan 2.2 peratus pada bulan sebelumnya, dan merupakan penyusutan terendah sejak November 2024. Sementara itu, Thailand juga

mencatatkan penurunan 1.6 peratus, daripada peningkatan 0.3 peratus pada Februari 2025, mencerminkan trend yang sama seperti Malaysia.


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkongsi pandangan mengenai trend harga komoditi terpilih semasa. Purata harga minyak mentah Brent berada pada USD 73 setong pada Mac 2025, menurun perlahan berbanding USD 75 setong pada Februari 2025. Ini merupakan purata harga bulanan terendah sejak September 2021. Penurunan ini berlaku selepas Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) menurunkan unjuran permintaan minyak global dipacu oleh ketidaktentuan ekonomi yang berkait dengan tarif perdagangan A.S. Pada masa yang sama, trend penurunan ini juga disebabkan oleh keputusan OPEC+ untuk meningkatkan pengeluaran secara beransur-ansur mulai April 2025. Sementara itu, purata harga minyak sawit mentah di Malaysia turut turun perlahan kepada RM4,740 per tan, berbanding RM4,759 per tan pada bulan sebelumnya. Menurut Lembaga Minyak Sawit Malaysia, harga minyak sawit dijangka berlegar antara RM4,400 hingga RM4,600 per tan dalam tempoh terdekat, dipengaruhi oleh corak cuaca, pemulihan permintaan daripada pembeli utama, serta prestasi tanaman minyak pesaing di peringkat global.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)





Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 APRIL 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA MARCH 2025

***The Producer Price Index of Malaysia decreased by 1.9 per cent in March 2025,
the first decline of the year since November 2024***

PUTRAJAYA, 28th April 2025 – Malaysia's Producer Price Index (PPI), which measures price changes at the producer level, decreased by 1.9 per cent in March 2025, from a 0.3 per cent increase in February 2025. This was reported today, in the latest monthly report of **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MARCH 2025**, published by the Department of Statistics Malaysia.

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, highlighted, "The decrease was primarily due to the Mining sector, continuing its downward trend in 2025 with a double-digit decrease of 15.0 per cent (February 2025: -9.7%). The decline was attributed to both Extraction of natural gas (-16.2%) and Extraction of crude petroleum (-14.5%) indices. The Manufacturing sector also recorded a 1.8 per cent decline (February 2025: -0.3%), with notable decreases in Manufacture of coke & refined petroleum products (-16.2%) and Manufacture of computer, electronic & optical products (-5.1%). Similarly, the Electricity & gas supply sector posted a 0.5 per cent decrease (February 2025: -0.3%). However, the Agriculture, forestry & fishing sector remained a positive trend, up by 9.9 per cent (February 2025: 15.2%), driven by the Growing of perennial crops sub-sector (16.9%). The Water supply sector also registered a modest increase of 0.7 per cent in March 2025."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further explained, "On a month-on-month basis, PPI Local Production declined by 0.6 per cent in March 2025, from a 0.1 per cent increase in the previous month. The Mining sector went down by 3.8 per cent, affected by decreases in

Extraction of natural gas (-5.7%) and Extraction of crude petroleum (-3.0%). The Agriculture, forestry & fishing sector also decreased by 0.5 per cent, dragged down by the Fishing (-2.1%) and Growing of perennial crops (-0.4%) indices. Meanwhile, the Manufacturing sector declined by 0.3 per cent attributed to the Manufacture of coke & refined petroleum products (-0.5%) index. The Water supply sectors recorded a marginal decline of 0.1 per cent, while the Electricity & gas supply increased by 0.3 per cent.”

Elaborating further on the PPI Local Production by stage of processing, the Chief Statistician Malaysia, explained, “All stages of processing registered declines in March 2025. The Crude materials for further processing index dropped by 4.5 per cent, affected by the Non-food materials (-5.5%). The Intermediate materials, supplies & components index also went down by 1.5 per cent, dragged down by the Processed fuel & lubricants (-11.8%). Meanwhile, the Finished goods index registered a moderate decline of 0.6 per cent due to the Finished consumer goods (-0.7%).”

On a month-on-month basis, the Crude materials for further processing index declined by 1.5 per cent. Meanwhile, Intermediate materials, supplies & components and Finished goods indices recorded modest declines of 0.2 and 0.4, respectively.

The Chief Statistician Malaysia also added that, “The PPI Local Production continued to decline by 0.3 per cent in the first quarter of 2025, as compared to a 0.8 per cent decline in the fourth quarter of 2024. This continued downward trend was attributed to Mining (-8.8%), Manufacturing (-0.9%) and Electricity & gas supply (-0.2%) sectors. Conversely, the Agriculture, forestry & fishing sector recorded a significant increase of 13.8 per cent, while Water supply rose by 3.6 per cent. Meanwhile, on a quarter-on-quarter basis, the PPI rebounded with a 1.0 per cent, following a 0.8 per cent decline in the previous quarter.”

A comparison of selected countries showed mixed trends in the PPI in March 2025. The United States’ (U.S.) PPI rose by 2.7 per cent, slowing from the 3.2 per cent increase in the previous month. Japan also experienced a rise in PPI, registering a 4.2 per cent increase following a 4.1 per cent increase in February 2025, primarily driven by Transport equipment and Beverages & foods sectors. In contrast, China’s producer prices continued to decline by

2.5 per cent, after a 2.2 per cent drop in the preceding month, marking the smallest contraction since November 2024. Meanwhile, Thailand also contracted by 1.6 per cent, reversing a 0.3 per cent increase in February 2025, mirroring a similar trend observed in Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin shared insights into recent selected commodity price trends. Brent crude oil averaged approximately USD 73 per barrel in March 2025, slightly down from USD 75 per barrel in February 2025. This marks the lowest monthly average price since September 2021. The decline followed the International Energy Agency's (IEA) downward revision of global oil demand forecasts, driven by economic uncertainties tied to U.S. trade tariffs. At the same time, the downward trend is supported by OPEC+'s decision to increase production gradually starting in April 2025. Meanwhile, the average price of crude palm oil in Malaysia also dipped slightly to RM4,740 per tonne, as compared to RM4,759 per tonne in the previous month. According to the Malaysian Palm Oil Council, palm oil prices are expected to fluctuate between RM4,400 and RM4,600 per tonne in the near term, influenced by weather patterns, demand recovery from key buyers, and the performance of competing oilseed crops globally.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28th APRIL 2025